

Ketetapan Umum No. 3/2001

RAYUAN TERHADAP SESUATU TAKSIRAN

1.0 UNDANG-UNDANG CUKAI

Ketetapan ini menjelaskan seksyen 99, 100, 101 dan 102 **Akta Cukai Pendapatan, 1967**. Ia berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2001 dan tahun taksiran seterusnya.

2.0 PEMAKAIAN KETETAPAN INI

Ketetapan ini menjelaskan:

- 2.1 peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan [selepas ini disebutkan sebagai *Akta*] berhubung dengan rayuan terhadap taksiran yang telah dibuat atau disifatkan sebagai telah dibuat; dan
- 2.2. peraturan-peraturan yang hendaklah dipatuhi apabila membuat rayuan.

3.0 BAGAIMANA UNDANG-UNDANG CUKAI DIGUNAPAKAI

3.1 Hak rayuan & masa untuk membuat rayuan

3.1.1 Seseorang yang tidak berpuas hati dengan sesuatu taksiran yang telah dibuat, atau disifatkan sebagai telah dibuat, ke atasnya oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri [selepas ini disebutkan sebagai *KP*] berhak merayu terhadap taksiran itu.

3.1.2

Rayuan hendaklah dikemukakan secara bertulis tidak lewat dari 30 hari selepas notis taksiran itu diterima atau notis taksiran yang disifatkan itu dianggap sebagai telah diterima.

Contoh 1

Taksiran dibuat ke atas seorang individu bagi tahun taksiran 2001 dan notis berkenaan diterima olehnya pada 15.05.2002.

Rayuan hendaklah dibuat tidak lewat dari 15.06.2002.

Contoh 2

Sebuah syarikat yang biasanya menutup akaun pada 31 Mac mengemukakan borang nyata bagi tahun taksiran 2001 kepada KP

pada 27.09.2001. Menurut seksyen 90(1A) Akta, notis taksiran yang disifatkan adalah dianggap sebagai telah diserahkan kepada syarikat pada tarikh yang sama.

Rayuan hendaklah dibuat tidak lewat dari 27.10.2001.

- 3.1.3 Dalam kes taksiran pendahuluan, rayuan hendaklah dibuat dalam tempoh masa 3 bulan pertama pada tahun taksiran [T/T] berikutan tahun taksiran berkaitan dengan mana taksiran itu dibuat.

Contoh

Taksiran pendahuluan bagi T/T 2002 dibuat pada 15.08.2001 ke atas seorang individu kerana perniagaannya (akaun biasanya ditutup pada 31 Mac) berhenti pada 30.06.2001. Akaun terakhir disediakan bagi tempoh 01.04.2001 hingga 30.06.2001.

T/T berkenaan dengan mana taksiran pendahuluan itu dibuat ialah 2002. T/T berikutannya ialah 2003, maka rayuan terhadap taksiran itu hendaklah dibuat tidak lewat dari 31.03.2003.

- 3.1.4 Bagi kes taksiran yang disifatkan, jika seseorang semasa menaksir sendiri telah mematuhi ketetapan tertentu walaupun tidak bersetuju dengannya, notis rayuan patutlah difailkan bersama-sama dengan penyata cukai pendapatan.

3.2 Rayuan yang lewat

- 3.2.1 Sekiranya rayuan dibuat selepas tamat tempoh yang dibenarkan [*rujuk perenggan 3.1.2 dan 3.1.3 di atas*], alasan bagi rayuan yang lewat hendaklah diberi. Antara alasan yang boleh diterima ialah keadaan di luar kawalan orang yang membuat rayuan [*perayu*]: contoh, dimasukkan hospital bagi suatu tempoh yang panjang disebabkan penyakit yang serius.
- 3.2.2 Sekiranya alasan yang diberi untuk rayuan yang lewat tidak diterima, perayu akan diminta mengemukakan permohonan supaya dilanjutkan tempoh bagi membuat rayuan (dalam Borang N yang ditetapkan).
- 3.2.3 Borang N hendaklah dihantar ke cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri [*LHDN*] di mana fail cukai pendapatan perayu disimpan.
- 3.2.4 Borang N, bersama-sama dengan kenyataan oleh KP yang memberi sebab mengapa alasan diberi oleh perayu untuk rayuan yang lewat tidak diterima, akan dikemukakan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan [*PKCP*]. Perayu akan diberitahu secara bertulis tentang hal ini dan salinan kenyataan KP itu akan

disertakan.

3.2.5 Dalam tempoh 21 hari selepas menerima pemberitahuan, perayu boleh mengemukakan kepada PKCP ulasan atau hujahnya secara bertulis berhubung dengan permohonannya dan kenyataan KP.

3.2.6 Jika permohonannya ditolak, perayu tidak berhak membuat rayuan selanjutnya. Keputusan salah seorang daripada PKCP adalah muktamad.

3.3 Rayuan secara bertulis

3.3.1 Rayuan hendaklah dibuat secara bertulis. Panggilan telefon atau utusan melalui media elektronik (e-mel) tidak memadai sebagai notis rayuan.

3.3.2 Borang yang ditetapkan (Borang Q) hendaklah digunakan untuk tujuan rayuan. Borang Q yang dilengkapkan hendaklah dihantar ke cawangan LHDN di mana fail cukai pendapatan perayu disimpan.

3.3.3 Rayuan yang dibuat dalam bentuk surat boleh diterima juga dan ia akan dikendalikan seolah-olah Borang Q telah diterima. Sekiranya kes itu kemudiannya perlu dikemukakan kepada PKCP [*rujuk perenggan 3.6 di bawah*], perayu akan diminta mengisi Borang Q.

3.4 Alasan untuk rayuan

3.4.1 Rayuan terhadap sesuatu taksiran (sama ada dalam bentuk surat atau Borang Q) hendaklah menyatakan alasan untuk rayuan. Kenyataan seperti "cukai terlalu tinggi" atau "cukai tidak dikira mengikut Akta" akan dianggap sebagai tidak jelas atau kekurangan perincian yang sewajarnya oleh kerana ia tidak dapat membantu dalam kajian semula taksiran.

3.4.2 Alasan untuk rayuan hendaklah khusus dan merujuk kepada butir-butir dalam pengiraan cukai atau notis taksiran yang tidak dipersetujui oleh perayu dan menyatakan sebab-sebabnya. Maklumat tambahan atau salinan dokumen berkenaan hendaklah disertakan, jika perlu.

3.4.3 Di mana rayuan dibuat melalui surat dan alasan untuk rayuan didapati tidak jelas atau kekurangan perincian yang sewajarnya dan oleh itu, kajian semula taksiran tidak boleh dilaksanakan [*rujuk perenggan 3.4.1 di atas*], perayu akan diberitahu secara bertulis untuk mengemukakan, dalam tempoh 30 hari, alasan khusus untuk rayuan dalam Borang Q yang ditetapkan. Sekiranya perayu gagal mengemukakan Borang Q (dengan atau tanpa alasan untuk rayuan

yang khusus sepertimana yang dikehendaki) dalam tempoh yang dibenarkan, rayuan itu akan dianggap sebagai rayuan yang lewat [*rujuk perenggan 3.2 di atas*].

3.4.4 Di mana Borang Q telah dikemukakan dan alasan untuk rayuan didapati tidak jelas atau kekurangan perincian yang sewajarnya dan, oleh itu, kajian semula taksiran tidak boleh dilaksanakan, kes itu akan terus dikemukakan kepada PKCP tanpa kajian semula taksiran [*rujuk perenggan 3.5 di bawah*].

3.5 Kajian semula taksiran

3.5.1 Sebaik sahaja diterima rayuan (*tertakluk kepada perenggan 3.4 di atas*), taksiran yang dirayu akan dikaji semula.

3.5.2 Jika perlu, perayu mungkin dikehendaki mengemukakan maklumat tambahan atau menunjukkan buku akaun atau rekod atau dokumen lain yang berkaitan dengan taksiran.

3.5.3 Perayu (atau orang lain yang berkenaan) mungkin dikehendaki hadir untuk memberi bukti (secara bersumpah, jika perlu).

3.5.4 Hasil dari kajian semula, satu cadangan mungkin dibuat kepada perayu untuk menyelesaikan rayuan dengan mengesahkan, mengurangkan, menaikkan atau melepaskan taksiran.

3.5.5 Sekiranya cadangan dalam perenggan 3.5.4 dibuat secara lisan, pengesahan cadangan secara bertulis akan dikeluarkan dan perayu diberi 21 hari untuk menolak cadangan itu secara bertulis.

3.5.6 Sekiranya cadangan dalam perenggan 3.5.4 dibuat secara bertulis, perayu diberi 30 hari untuk menolak cadangan itu secara bertulis.

3.5.7 Sekiranya cadangan itu (secara bertulis atau lisan) tidak ditolak dalam tempoh yang dibenarkan, ia akan disifatkan sebagai persetujuan secara bertulis dan taksiran itu dianggap sebagai disahkan, dikurangkan, dinaikkan atau dilepaskan mengikut persetujuan itu.

3.5.8 Dalam tempoh 30 hari selepas persetujuan yang disifatkan itu dianggap sebagai telah diwujudkan, perayu boleh memohon kepada PKCP untuk membatalkan persetujuan yang disifatkan itu. Keputusan salah seorang daripada PKCP adalah muktamad.

3.6 Di mana persetujuan tidak boleh dicapai

3.6.1 Jika didapati bahawa persetujuan tidak dapat dicapai, rayuan akan dikemukakan kepada PKCP. Sekiranya rayuan dibuat dalam

bentuk surat [*rujuk perenggan 3.3.3 di atas*], perayu akan diminta mengisi Borang Q.

3.6.2 Pada bila-bila masa, perayu boleh memohon kepada KP secara bertulis agar rayuan dikemukakan kepada PKCP.

3.7 Penyelesaian rayuan

3.7.1 Sesuatu rayuan hendaklah dikemukakan kepada PKCP dalam tempoh 12 bulan dari tarikh ia diterima. Sekiranya kajian semula [*rujuk perenggan 3.5 di atas*] tidak dapat diselesaikan dalam tempoh itu, KP boleh pohon, tidak kurang dari 30 hari sebelum tamatnya tempoh 12 bulan, kepada Menteri Kewangan untuk melanjutkan tempoh itu. Tempoh lanjutan tidak akan melebihi 6 bulan.

3.7.2 Perayu akan diberitahu secara bertulis apabila Borang Q dikemukakan kepada PKCP.

3.7.3 Tempat dan tarikh perbicaraan rayuan akan ditetapkan oleh Kerani kepada PKCP. Beliau akan memberi notis kepada perayu sekurang-kurangnya 28 hari sebelum tarikh perbicaraan.

3.7.4 Pada bila-bila masa sebelum perbicaraan, perayu dan KP masih boleh mencapai persetujuan atau perayu boleh menarik balik rayuan.

3.8 Perwakilan

Semasa perbicaraan, perayu boleh diwakili oleh seorang peguam dan / atau seorang agen cukai.

4.0 INTERPRETASI

Bagi maksud ketetapan ini:

4.1 "Agen cukai" bermaksud pengaudit syarikat yang bertauliah, akauntan profesional yang diluluskan oleh Menteri Kewangan dan orang lain yang diluluskan oleh Menteri.

4.2 "Orang" atau "seseorang" termasuk syarikat, koperasi, perkongsian, keluarga sekutu Hindu, pemegang amanah, pentadbir harta pusaka, kelab, persatuan, dan individu.

4.3 "Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan" [PKCP] dan "Kerani kepada PKCP" merujuk kepada Pesuruhjaya Khas dan Kerani yang dilantik di

bawah seksyen 98 Akta.

(Tarikh Keluaran: 18 Januari 2001)